

Headline	Buka peluang kepada ahli koperasi		
MediaTitle	Harakah		
Date	22 Mar 2021	Color	Full Color
Section	General News	Circulation	50,000
Page No	H7	Readership	150,000
Language	Malay	ArticleSize	297 cm ²
Journalist	SRIHAYANIS ABASRI	AdValue	RM 2,477
Frequency	Twice in a Week	PR Value	RM 7,431



Buka peluang kepada ahli koperasi

Oleh **SRIHAYANIS ABASRI**

KUALA LUMPUR: Memorandum Persefahaman (MoU) bertujuan membuka peluang perniagaan dan pendapatan kepada ahli-ahli koperasi di bawah Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) bagi membekalkan bahan mentah kepada industri perikanan di seluruh negara.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali menyaksikan pemeteraian MoU antara Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Ko-



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali semasa majlis pemeteraian MoU antara Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) di Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Putrajaya.

moditi, Putrajaya.

Pengerusi MPMA, Datuk Wira Sheikh Othman Rahman dan Presiden ANGKASA,

Dato' Abdul Fattah Abdullah menandatangani MoU tersebut sebagai tanda bermulanya kerjasama kedua-dua pihak

dalam pelaksanaan Program Perladangan Hutan Komuniti Koperasi bagi menanam pokok spesies Eucalyptus dan cepat tumbuh.

"Sehingga kini, ANGKASA mempunyai 10,493 koperasi sebagai ahli daripada 14,625 koperasi yang didaftarkan oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan lebih 6.2 juta anggota secara individu," kata Khairuddin dalam sidang media bersiaran langsung di laman Facebook rasminya.

Di samping itu, MoU berkenaan memfokuskan kepada usaha penyelesaian bagi mengatasi salah satu cabaran utama industri perikanan iaitu kekurangan bahan mentah khususnya kayu-kayuan dari sumber

perhutanan.

Beliau berkata, situasi itu dijangkakan akan menjejaskan potensi sektor terababit seperti menampung keperluan kilang-kilang termasuk papan lapis, papan gentian berketumpatan sederhana (MDF), papan partikel dan *oriented strand board* (OSB).

"Berdasarkan statistik Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, pengeluaran kayu balak pada tahun 1990 ialah sebanyak 12.8 juta meter padu berbanding hanya sebanyak 4.1 juta meter padu pada tahun 2018.

"MPMA akan mengenal pasti dan membekalkan sumber anak pokok spesies ladang hutan yang berkual-

iti, pembangunan teknologi dan membantu dari aspek pengurusan ladang yang diusahakan oleh pihak koperasi sehingga tuaian hasil.

"Persatuan juga akan memastikan pengusaha dan pekilang industri yang terlibat di dalam program ini membeli balik hasil tuaian pokok spesies ladang hutan yang diusahakan oleh koperasi pada harga pasaran atau harga yang dipersetujui bersama," ujarnya.

Selain MPMA dan ANGKASA, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MITB), Majlis Kayu Kayan Malaysia (MITC) dan Forest Plantation Development Sdn. Bhd. (FPDSB) juga akan terlibat dengan program ini.